

# Tasik tadahan air

U.M 30/06/07 MS 16

Oleh NORZAINURA  
ABDUL MAJID

**BATU PAHAT** 29 Jun - Tidak bertanggungjawab! Tasik dijadikan tong sampah.

Kawasan tadahan air yang sepatutnya dijagai dengan baik untuk air larian di waktu hujan - bagi mengelakkan banjir - dimusnahkan sewenang-wenangnya.

Lebih mengejutkan, syarikat didakwa melakukan perbuatan itu hanya diberi amaran yang terlalu lambat.

Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan dan Kesihatan Negeri Johor, Datuk Halimah Mohamed Sadique mengarahkan Setara Kristal Sdn. Bhd. yang menyelenggara tapak pelupusan sampah di Kampung Sri Wangi 'agar tidak lagi membuang sampah di dalam tasik itu'.

Arahan itu dibuat setelah beliau melawat tapak tersebut semalam dan mendapati keadaannya bertambah buruk apabila tasik bekas lombong yang dijadikan tempat membuang sampah itu mengeluarkan bau yang sangat busuk.

Setara Kristal diberi tempoh sebulan untuk menambak tanah ke dalam tasik berkenaan supaya bau busuk dapat dihindarkan kerana tasik itu sudah tidak boleh dirawat lagi.

Halimah juga meminta penduduk kampung berdekatan bersabar untuk tempoh enam bulan lagi sementara menunggu tapak pelupusan sampah baru di

Bukit Bindu dibuka.

Beliau juga meminta Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) mencari jalan untuk membaik pulih tasik itu termasuk menyedut air dalam tasik dan dirawat serta dibuang ke tempat yang sesuai serta membuat takungan untuk rawatan air.

Beliau juga berjanji akan terus memantau masalah yang dihadapi kira-kira 1,000 penduduk di lima kampung sekitar kawasan berkenaan dari semasa ke semasa.

Turut bersama Halimah dalam lawatan tersebut ialah Pengarah Unit Perancang Ekonomi Negeri Johor (UPEN), Datuk Hamsan Saringat; Pegawai Daerah Batu Pahat, Yahya Salleh; Yang Dipertua Majlis Perbandaran Batu Pahat (MPBP), Amran Abdul Rahman; wakil-wakil penduduk serta pihak Setara Kristal.

## Rungutan

Sebelum ini *Utusan Malaysia* pernah menyiarkan rungutan penduduk lima buah kampung di sekitar tapak pelupusan sampah itu yang meminta agar tapak itu ditutup kerana tidak tahan dengan bau busuk serta jalan yang kotor terutama ketika hujan.

Penduduk mendakwa, masalah sampah yang telah berlarian lebih kurang setahun itu kini semakin parah apabila pihak penyelenggara membuang sampah ke dalam tasik yang dipenuhi air sejak sebulan lalu.

Ismail Molar, 45, mendakwa

pihak penyelenggara mula membuang sampah ke dalam tasik bekas lombong batu bata sejak awal bulan ini menyebabkan bau busuk kini merebak.

"Kami memang dah tak tahan dengan bau busuk, dulu sesekali ia berbau tetapi kini ia semakin parah selepas sampah dibuang ke tasik pula tanpa rawatan," jelasnya kepada *Utusan Malaysia*.

Wakil penduduk dan Ahli Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK), **Tumari Puimin**, 47, terkilan kerana pihak syarikat gagal menyelenggara sampah tersebut sehingga menjejaskan kesejahteraan penduduk.

"Kami semua mengharapkan kawasan pelupusan sampah itu ditutup kerana ia semakin bertambah teruk bukan bertambah baik," jelasnya.

Dakwanya lagi, jika dahulu sampah dibuang di tempat yang agak kering tetapi tindakan Setara Kristal membuang sampah ke dalam tasik sedalam 15 meter yang dipenuhi air amat mendukacitakan seluruh penduduk di Kampung Parit Suratman, Kampung Pinggir, Parit Senah, Kampung Seri Wangi dan Felcra Sri Wangi.

**LAUTAN** sampah yang dibuang ke dalam tasik bekas lombong sedalam 15 meter seluas 1 ekar menimbulkan bau busuk yang amat sangat ditapak pelupusan sampah di Kampung Seri Wangi Batu Pahat.

jadi 'tong sampah'

